



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
Aras 4, Blok E2, Kompleks E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel : 03-8884 9000  
Faks : 03-8884 9315  
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPMSP.100-1/7/2(79)  
Ruj. tuan :

Tarikh 24 Ogos 2016

Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 10 TAHUN 2016  
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM 1SEKOLAH 1SILAT**

Program 1Sekolah 1Silat merupakan inisiatif daripada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia bertujuan untuk memperkasa dan memperkaya aktiviti silat yang telah sedia ada di sekolah. Melalui program ini, murid-murid boleh mengembangkan bakat dan minat dalam silat seni dan silat olahraga dari peringkat sekolah hingga ke peringkat antarabangsa. Pengisian program ini selaras dengan hala tuju Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 yang mengharapkan murid-murid sekolah boleh membina negara bangsa dengan suatu identiti nasional yang berlandaskan perpaduan dan prinsip-prinsip Rukun Negara. Program 1Sekolah 1Silat telah dilancarkan dan dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 2 April 2016 bertempat di SMK Kuala Nerang, Kedah.

2. Surat siaran ini adalah bertujuan untuk memberikan panduan bagi melaksanakan program 1Sekolah 1Silat di bawah Persatuan Silat Sekolah. Semua sekolah menengah dan rendah amatlah digalakkan untuk menyertai program ini.

3. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk menyampaikan kandungan Surat Siaran ini kepada sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Dato' / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menulut perintah,

**DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Operasi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor  
Institut Pendidikan Guru
9. Ketua Jemaah Nazir  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## KANDUNGAN

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 10 TAHUN 2016:  
GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM 1SEKOLAH 1SILAT

Disediakan oleh:  
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM 1SEKOLAH 1SILAT**

### **1.0 Pengenalan**

- 1.1 Program 1Sekolah 1Silat merupakan inisiatif daripada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia bertujuan untuk memperkasa dan memperkaya aktiviti silat yang telah sedia ada di sekolah. Melalui program ini, murid-murid boleh mengembangkan bakat dan minat dalam silat seni dan silat olahraga dari peringkat sekolah hingga ke peringkat antarabangsa.
- 1.2 Program 1Sekolah 1Silat beroperasi di bawah persatuan / pertubuhan seni silat sekolah. Seni silat pula dikategorikan sebagai salah satu aktiviti pasukan badan beruniform yang wajib disertai oleh semua murid. Sehubungan itu, sebarang kegiatan program ini adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pendidikan (Persatuan Sekolah) 1998 di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).
- 1.3 Pengisian program ini selaras dengan hala tuju PPPM (2013 – 2025) yang mengharapkan murid-murid sekolah boleh membina negara bangsa dengan suatu identiti nasional yang berlandaskan perpaduan dan prinsip-prinsip Rukun Negara.
- 1.4 Aktiviti silat juga merupakan seni bela diri rasmi tanah air yang juga merupakan benteng ketiga pertahanan negara.

### **2.0 Matlamat**

- 2.1 Penyemaian dan pengukuhan rasa cinta terhadap warisan budaya dan bangsa.
- 2.2 Pemupukan generasi muda yang berdikari, bersikap positif, sabar, berani menghadapi cabaran dan mempunyai keyakinan diri.
- 2.3 Pelaksanaan pelbagai aktiviti di semua peringkat iaitu sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan termasuk aspek kejurulatihan dan kewasitan.

### **3.0 Objektif**

- 3.1 Murid-murid sekolah boleh mempelajari kemahiran silat seni dan silat olahraga sebagai alat persediaan ke persada pertandingan antarabangsa.
- 3.2 Murid-murid memperolehi kemahiran daripada jurulatih yang terlatih dan bertauliah.
- 3.3 Murid-murid berpeluang mengikuti pertandingan di pelbagai peringkat iaitu sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
- 3.4 Murid-murid berpeluang meningkatkan kemampuan diri melalui pengiktirafan bengkong mengikut tahap yang ditetapkan.

### **4.0 Penyertaan**

- 4.1 Program ini hendaklah mendapat keizinan daripada Pengetua / Guru Besar sekolah.
- 4.2 Penyertaan program 1Sekolah 1Silat terbuka kepada semua ahli persatuan silat sekolah di sekolah rendah dan menengah seluruh negara.
- 4.3 Penyertaan adalah secara sukarela dan tiada unsur paksaan.
- 4.4 Mendapat kebenaran dan persetujuan ibu bapa / penjaga.
- 4.5 Sekolah yang belum mempunyai persatuan seni silat perlu menujuhan terlebih dahulu persatuan sebelum menyertai program ini. Persatuan seni silat ini hendaklah berasaskan perguruan silat.
- 4.6 Sekolah yang telah menujuhan persatuan seni silat sekolah boleh mengambil program ini menjadi sebahagian kegiatan mingguan dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PESAKA seperti kelayakan jurulatih, kewasitan dan peraturan pertandingan.

## **5.0 Pengisian Program 1Sekolah 1Silat**

### **5.1 Aktiviti Mingguan**

- 5.1.1 Aktiviti mingguan bagi aktiviti silat ini hendaklah menggunakan peruntukan masa minumum yang ditetapkan iaitu 12 kali perjumpaan (36 jam bagi sekolah menengah dan 24 jam bagi sekolah rendah) setahun.
- 5.1.2 Sukatan pelajaran bagi aktiviti mingguan Program 1Sekolah 1Silat terbahagi kepada 2 iaitu:
  - 5.1.2.1 sukatan pelajaran perguruan; dan
  - 5.1.2.2 sukatan pelajaran program – silat seni dan sukan silat (disediakan oleh PESAKA).

### **5.2 Pertandingan dalam program 1Sekolah 1Silat**

- 5.2.1 Empat (4) kategori pertandingan yang akan dianjurkan di bawah program 1Sekolah 1Silat iaitu:
  - 5.2.1.1 Pertandingan Silat Olahraga;
  - 5.2.1.2 Pertandingan Silat Seni;
  - 5.2.1.3 Pertandingan Silat Seni Asli; dan
  - 5.2.1.4 Pertandingan Gendang (Muzik Silat).
- 5.2.2 Pertandingan yang dianjurkan dalam Program 1Sekolah 1Silat terbahagi kepada peringkat-peringkat seperti berikut:
  - 5.2.2.1 Sekolah;
  - 5.2.2.2 Daerah;
  - 5.2.2.3 Negeri; dan
  - 5.2.2.4 Kebangsaan

5.2.3 Peraturan Pertandingan dalam program 1Sekolah 1Silat adalah seperti berikut :

5.2.3.1 Pertandingan Silat Olahraga dan Silat Seni adalah berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Silat Antarabangsa (PESILAT).

5.2.3.2 Pertandingan Silat Seni Asli dan Gendang (Muzik Silat) adalah berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh PESAKA.

5.3 Aktiviti selain daripada aktiviti mingguan dan pertandingan dalam program 1Sekolah 1Silat

5.3.1 PESAKA juga akan menganjurkan aktiviti bercorak penyertaan ramai seperti khidmat masyarakat, perhimpunan dan kursus bagi memberi peluang penglibatan murid secara menyeluruh di semua peringkat bagi pemarkahan kokurikulum.

5.4 Penarafan Pemakaian Bengkong Murid (Pengredan)

5.4.1 Pengredan atau naik tingkat pembelajaran seseorang pesilat (murid) dilambangkan pada jalur warna bengkong pesilat.

5.4.1.1 Bengkong Putih Jalur Hitam I, II dan III.

5.4.1.2 Bengkong Putih Jalur Biru I, II dan III.

5.4.1.3 Bengkong Putih Jalur Merah I, II dan III.

5.4.2 Sijil dan bengkong hanya akan dianugerahkan kepada pesilat yang telah diuji dan lulus ujian.

5.4.3 Pesilat yang ingin menyertai pertandingan mestilah:

5.4.3.1 Pemegang bengkong putih satu (I) jalur hitam untuk layak bertanding di peringkat daerah; dan

5.4.3.2 Pemegang bengkong putih tiga (III) jalur hitam untuk bertanding di peringkat seterusnya;

5.4.4 Hanya pemegang bengkong jalur merah sahaja layak menjadi pembantu jurulatih di sekolah.

5.4.5 Markah Kokurikulum bagi skor jawatan adalah seperti berikut :

Jawatan	Markah
Pengerusi / Bengkong Putih Jalur Merah III	10
Naib Pengerusi / Bengkong Putih Jalur Merah I atau II	8
Setiausaha / Bendahari / Bengkong Putih Jalur Biru III	7
Naib Setiausaha / Penolong Bendahari / Bengkong Putih Jalur Biru I, atau II	6
AJK / Bengkong Putih Jalur Hitam III	5
Ahli Aktif / Bengkong Putih Jalur Hitam I atau II	4
Ahli	2

## 6.0 Kejurulatihan

- 6.1 Semua jurulatih yang hendak melaksanakan program 1Sekolah 1Silat mesti telah mendapat latihan dan diiktiraf oleh PESAKA. Syarat asas bagi mendapatkan latihan tersebut ialah telah menguasai langkah-langkah asas sesuatu perguruan persilatan dan telah memperolehi sijil kelayakan daripada badan perguruan.
- 6.2 PESAKA bertanggungjawab menyediakan jurulatih sebaik sahaja sekolah bersetuju dan bersedia hendak melaksanakan program 1Sekolah 1Silat.
- 6.3 Semua kursus peningkatan kejurulatihan seperti kemahiran dan kepakaran dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh pihak PESAKA.
- 6.4 Pengetua / Guru Besar berhak untuk menamatkan / menukar perkhidmatan jurulatih jika didapati mereka gagal mematuhi peraturan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa. PESAKA hendaklah menggantikan jurulatih yang baharu mengikut perguruan sedia ada di sekolah berkenaan bagi memastikan program 1Sekolah 1Silat berjalan lancar.

## **7.0 Wasit Juri**

- 7.1 PESAKA akan menganjurkan kursus bagi melatih dan memberi kemahiran kepada wasit juri dari semasa ke semasa.
- 7.2 Penyertaan kursus adalah terbuka kepada guru-guru, kakitangan sekolah / pendidikan dan semua ahli perguruan.
- 7.3 Hanya wasit juri program 1Sekolah 1Silat yang mendapat pengiktirafan daripada PESAKA sahaja layak untuk bertugas dalam semua pertandingan yang dianjurkan dalam program 1Sekolah 1Silat.

## **8.0 Peranan dan Tanggungjawab**

### **8.1 Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA)**

- 8.1.1 Menubuhkan **Jawatankuasa Pembangunan Program 1Sekolah 1Silat** di semua peringkat dan ahli jawatankuasa dalam kalangan warga KPM turut dilibatkan bersama seperti berikut:

i	sekolah	Penolong Kanan Kokurikulum / Penolong Kanan Pendidikan Khas (jika ada)
ii	daerah	Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Kokurikulum / Unit Sukan / Unit Pendidikan Khas)
iii	negeri	Jabatan Pendidikan Negeri (Unit Kokurikulum / Unit Sukan / Unit Pendidikan Khas)
iv	kebangsaan	Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK) / Bahagian Sukan (BS) / Bahagian Pendidikan Khas (BPK)

- 8.1.2 Menubuhkan **Jawatankuasa Teknikal Program 1Sekolah 1Silat** di semua peringkat dan ahli jawatankuasa dalam kalangan warga KPM turut dilibatkan seperti berikut:

i	sekolah	Guru Penasihat (lantikan sekolah)
ii	daerah	Pegawai Teknik Silat Daerah (lantikan PPD)
iii	negeri	Pegawai Teknik Silat Negeri (lantikan JPN)
iv	kebangsaan	Pegawai Teknik Silat Kebangsaan (lantikan KPM)

- 8.1.3 Merancang dan melaksana aktiviti tahunan serta bertanggungjawab menyediakan takwim program 1Sekolah 1Silat dengan kerjasama KPM.
- 8.1.4 Menganjurkan pertandingan dengan kerjasama KPM mengikut peringkat.
- 8.1.5 Menganjurkan kursus-kursus kejurulatihan dan kewasitan dengan kerjasama KPM mengikut peringkat.
- 8.1.6 Mengajurkan aktiviti-aktiviti bercorak penyertaan ramai seperti khidmat masyarakat, perhimpunan dan kursus bagi memberi peluang penglibatan murid secara menyeluruh di semua peringkat bagi pemarkahan kokurikulum.
- 8.1.7 Membuat permohonan penganjuran aktiviti dan pengiktirafan bagi setiap penganjuran aktiviti / pertandingan mengikut peringkat.
- 8.1.8 Menyediakan dan mengedarkan Buku Panduan Program 1Sekolah 1Silat berbentuk cetakan atau digital.
- 8.1.9 Mempromosi dan membuat hebahan program melalui sesi taklimat, 'roadshow' atau sebagainya.

## **8.2 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

- 8.2.1 BKK, BS dan BPK dilibatkan dengan Jawatankuasa Pembangunan Program 1Sekolah 1Silat peringkat kebangsaan.
- 8.2.2 Melantik Pegawai Teknik Silat Kebangsaan dan dilibatkan dengan Jawatankuasa Teknikal Program 1Sekolah 1Silat peringkat kebangsaan.
- 8.2.3 Membantu PESAKA dalam melaksanakan program-program yang dianjurkan di peringkat kebangsaan.
- 8.2.4 Meneliti dan memproses permohonan bagi tujuan kelulusan penganjuran. Kelulusan peringkat kebangsaan adalah seperti berikut :
  - i. Pertandingan Silat Seni, Seni Asli dan Gendang (Muzik Silat) diluluskan oleh Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian.
  - ii. Pertandingan Silat Olahraga diluluskan oleh Pengarah Bahagian Sukan.
  - iii Aktiviti-aktiviti penyertaan ramai diluluskan oleh Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian.

- 8.2.5 Membantu PESAKA membuat promosi dan hebahan program melalui sesi taklimat, 'roadshow' atau sebagainya.

### **8.3 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)**

- 8.3.1 Unit Kokurikulum, Sukan dan Pendidikan Khas JPN dilibatkan dengan Jawatankuasa Pembangunan Program 1Sekolah 1Silat peringkat negeri.
- 8.3.2 Melantik Pegawai Teknik Silat Negeri dan dilibatkan dengan Jawatankuasa Teknikal Program 1Sekolah 1Silat peringkat negeri.
- 8.3.3 Membantu PESAKA dalam melaksanakan program-program yang dianjurkan di peringkat negeri.
- 8.3.4 Meneliti dan memproses permohonan bagi tujuan kelulusan penganjuran. Kelulusan peringkat negeri oleh Pengarah Pendidikan Negeri.
- 8.3.5 Membantu PESAKA membuat promosi dan hebahan program melalui sesi taklimat, 'roadshow' atau sebagainya.

### **8.4 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)**

- 8.4.1 Unit Kokurikulum, Sukan dan Pendidikan Khas PPD dilibatkan dengan Jawatankuasa Pembangunan Program 1Sekolah 1Silat peringkat daerah.
- 8.4.2 Melantik Pegawai Teknik Silat Daerah dan dilibatkan dengan Jawatankuasa Teknikal Program 1Sekolah 1Silat peringkat daerah.
- 8.4.3 Membantu PESAKA dalam melaksanakan program-program yang dianjurkan di peringkat daerah.
- 8.4.4 Meneliti dan memproses permohonan bagi tujuan kelulusan penganjuran. Kelulusan peringkat daerah oleh Pegawai Pendidikan Daerah.
- 8.4.5 Membantu PESAKA membuat promosi dan hebahan program melalui sesi taklimat, 'roadshow' atau sebagainya.

## **8.5 Sekolah**

- 8.5.1 Memastikan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/1992 : Panduan Penubuhan dan Pengurusan Persatuan Silat Sekolah** sentiasa dipatuhi.
- 8.5.2 Memastikan perguruan silat yang ingin menyertai program 1Sekolah 1Silat mematuhi syarat penyertaan sebagaimana ditetapkan oleh PESAKA.
- 8.5.3 Memastikan jurulatih mempunyai sijil kejurulatihan program 1Sekolah 1Silat yang dikeluarkan oleh PESAKA.
- 8.5.4 Melantik / mengekalkan guru penasihat pasukan badan beruniform seni bela diri (silat) dan memastikan kegiatan mingguan berjalan mengikut peruntukan masa minimum 12 kali (36 jam bagi sekolah menengah dan 24 jam bagi sekolah rendah) setahun.
- 8.5.5 Jumlah keahlian minimum bagi persatuan silat sekolah menyertai program 1Sekolah 1Silat adalah 20 orang.
- 8.5.6 Nisbah jurulatih dan murid pesilat adalah 1:30.
- 8.5.7 Bekerjasama dengan jurulatih dalam merancang dan melaksana kegiatan murid di sekolah.

## **8.6 Perguruan Silat dan Jurulatih**

- 8.6.1 Memastikan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/1992 : Panduan Penubuhan dan Pengurusan Persatuan Silat Sekolah** sentiasa dipatuhi.
- 8.6.2 Mematuhi syarat penyertaan program sebagaimana ditetapkan oleh PESAKA.
- 8.6.3 Memastikan jurulatih mempunyai sijil kejurulatihan program 1Sekolah 1Silat yang dikeluarkan oleh PESAKA.
- 8.6.4 Memastikan kegiatan mingguan berjalan mengikut peruntukan masa minimum 12 kali (36 jam bagi sekolah menengah dan 24 jam bagi sekolah rendah) setahun.

- 8.6.5 Sentiasa bekerjasama dengan sekolah (guru penasihat) dalam merancang, dan melaksana kegiatan murid di sekolah.

## 9.0 Penutup

Pihak KPM amat menggalakkan penglibatan sekolah-sekolah dalam menyertai program ini. KPM juga amat berharap program 1Sekolah 1Silat ini mendapat sambutan dan berjaya dilaksanakan mengikut perancangan, menepati sasaran, mencapai objektif dan matlamatnya. Dengan kerjasama dan sokongan agensi luar seperti PESAKA ini, diharap dapat melahirkan modal insan yang beridentiti nasional dalam membina negara bangsa.

Keterangan lanjut mengenai program 1Sekolah 1Silat, sila hubungi :

1. Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA)  
Suite 1-57, Jalan Prima SG 3/1  
Prima Sri Gombak  
68100 Gombak  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : +603-6186 8303  
Faks : +603-6187 8303  
Emel : pesakamalaysia@yahoo.com  
Website : <http://www.pesakamalaysia.org.my>  
Tel.Bimbit : +6013-7024 500 (En.Abdul Wahid bin Abu Talib)  
+6012-6859 523 (En.Mohd Shaffie bin Omar)
2. Kementerian Pendidikan Malaysia  
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian  
Aras 3, Blok E9, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 W.P Putrajaya  
Tel : +603-8872 1609  
Faks : +603-8872 1608  
Website : <http://www.moe.gov.my/v/bkk>